

04/08/2001

Wanita minta pantau gerakan penipuan saham

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pusat Aduan Pergerakan Wanita Umno menggesa pihak berkuasa memantau dan mengambil tindakan segera terhadap syarikat yang menipu orang awam melalui pembelian saham, dengan dokumentasi dan promosi yang dilihat sebagai tulin.

Pengerusi Biro Undang-Undang pusat itu, Senator Kamilia Ibrahim, berkata pihak berkuasa yang terbabit terutama polis, Suruhanjaya Sekuriti, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, perlu memantau gerakan penipuan seumpama itu.

Kes penipuan itu merujuk kepada sebuah syarikat yang membuat tawaran kepada orang awam supaya membeli saham dalam projek pusat peranginan yang kononnya akan dibangunkan di Medan, Indonesia.

"Ini bukan satu kes skim piramid atau skim cepat kaya di mana syarikat yang membuat tawaran mempunyai dokumentasi, kontrak perjanjian jual beli, sijil pelaburan, peguam, serta bentuk pengiklanan yang begitu meyakinkan di siaran televisyen dan akhbar.

"Malah, mereka juga menggunakan nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam promosi mereka, dan pastinya semua faktor itu, dapat mengaburi orang awam," katanya dalam satu sidang akhbar di sini hari ini.

Sementara itu, seramai 22 pelabur skim berkenaan membuat aduan mereka ke Pusat Aduan Wanita Umno selepas kecewa dengan maklum balas pihak berkuasa yang dianggap mengabaikan kes penipuan itu.

Salah seorang pengadu, Hamidah Ri, 35, berkata, beliau bersama suaminya membuat pelaburan sebanyak RM50,000 selepas menonton promosi skim berkenaan di Rancangan Malaysia Hari Ini di TV3 pada 1996.

"Promosi yang begitu meyakinkan dan konsep keIslaman pusat peranginan itu membuat saya bersama suami saya tertarik dengan pelaburan berkenaan. Namun, sehingga hari ini, saya masih tidak menerima sebarang pulangan," katanya sambil menambah syarikat berkenaan turut membawa beberapa pelabur ke Medan untuk melihat sendiri tanah yang dikatakan untuk pembinaan pusat peranginan terbabit.

Seorang lagi surirumah yang enggan namanya disiarkan berkata, keluarganya kini amat tertekan dengan bebanan hutang yang terpaksa ditanggung selepas membuat pelaburan sebanyak RM30,000 bagi skim itu.

"Rumah saya kini terpaksa disita kerana kami tidak mampu bayar. Hidup kami amat tertekan dengan bebanan hutang dan tanggungan tiga anak kami," katanya.

(END)